

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16 MARCH 2015



'Kemenangan hasil kerjasama pasukan'

» Dari muka 52

Reguigui yang memenangi Peringkat 7 kelmarin berkata, kemenangannya itu adalah hasil daripada bantuan pasukan, meskipun dirinya tidak dapat menyesuaikan diri dengan cuaca panas sejak hari pertama perlumbaan.

"Ya satu kemenangan bermakna buat saya sejak menjadi profesional," kata Reguigui semalam. "Ketika saya pertama kali di sini saya tak dapat menyesuaikan diri dengan cuaca panas."

Lakukan tugas dengan baik "Tetapi saya ada melakukan latihan dan selepas memenangi peringkat semalam (kelmarin), saya membuat keputusan untuk mengekalkan jersi kuning ini."

"Terima kasih kepada semua pelumba MTN kerana menyokong saya dan pasukan sudah melakukan tugas dengan sangat baik sekali."

Sebagai rekod, selain Reguigui, LTdL sebelum ini turut menyaksikan dua pelumba dari benua Afrika berjaya muncul juara.

Mercka adalah Ryan Cox dan David George yang mewakili pasukan kebangsaan Afrika Selatan, menjuarai jersi kuning, selaku juara keseluruhan, masing-masing pada tahun 1996 dan 1997-

Oleh Syed Riduan Ahmad dan Sukhairi Thani
bhsukan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Penjimat sebanyak RM9 juta ringgit dan liputan meluas media tempatan serta antarabangsa pada penganjuran Le Tour de Langkawi (LTdL) tahun ini, menjadi kayu ukur kejayaan jekayah berbasikal terbesar negara.

Justeru, Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar mengakui berpuas hati dengan pencapaian syarikat Human Voyage (M) Sdn Bhd dalam menganjurkan perlumbaan berkenaan walaupun diberikan tanggungjawab itu pada saat-saat akhir.

"Saya amat puas hati dengan pengurusan oleh Human Voyage di bawah Datuk Malik Mydin memandangkan ini kali pertama dia mengayurkan LTdL dengan tempoh persediaan yang begitu suntuk sekali," katanya selepas berakhirnya perlumbaan peringkat akhir LTdL 2015 di sini, semalam.

"Secara keseluruhan saya melihat sambutan cukup baik daripada segi pasukan yang mengambil bahagian. Kita mempunyai antara pasukan yang terbaik di dunia seperti



Team Astana dan Sky Racing Team.

"Ini menunjukkan LTdL sudah menjadi satu acara dalam takwim berbasikal yang dinanti-nantikan pasukan profesional tersohor dunia."

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Noyib Razak. Turut hadir, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Malik selaku Ketua Pegawai Eksekutif Human Voyage (M) Sdn Bhd dan LTdL 2015.

Khairy berkata, publisiti di peringkat antarabangsa juga baik apabila mendapat liputan di lebih 50 buah negara.

Katanya, ia jelas berjaya mencapai tujuan asal LTdL yang dicetus Dr Mahathir iaitu mempromosikan Malaysia.

"Mungkin dengan masa yang lebih paryang untuk persiapan, kita dapat mena-

rik penyertaan lebih ramai pelumba Pro Tour. Saya akan bincang dengan Malik untuk terus menambah baik acara ini, mungkin sehingga meiyadi acara Pro Tour yang akan menarik lebih ramai pelumba kategori itu," katanya.

Khairy turut gembira dengan keputusan menswastakan acara berbasikal berpresty negara itu dengan penjimatan sebanyak RM9 juta dapat dilakukan.

"Secara keseluruhan, saya gembira dan paling penting ialah penjimatan yang dapat dilakukan tahun ini hasil daripada penswastaaan LTdL," katanya.

"Tahun lalu, kita membelanjakan hampir RM19 juta tetapi tahun ini ia dikurangkan kepada RM10 juta. Penjimatan ini juga berjaya hasil penajaan syarikat-syarikat swasta antaranya Proton."

"Jadi kita boleh tumpukan kepada pembangunan program peringkat pelapis dengan perymitan ini. Saya juga bangga melihat kemampuan pelumba-pelumba tempatan yang dapat menamatkan beberapa perlumbaan di podium. Kita sasarkan untuk meryadi pasukan terbaik Asia pada acara akan datang."

